

Arahan: Jawab **semua** soalan.

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat kesalahan ejaan. Betulkan semula ejaan tersebut dengan betul.

(i) Damia terkejut apabila bahunya **ditepok** oleh Najihah.

(ii) Sharmila berasa kekok ketika menemani kakaknya dalam majlis yang dihadiri oleh **gulungan** korporat itu.

(iii) Ahli **arkeology** itu yakin bahawa masih ada harta karun yang terpendam di kawasan itu.

(iv) Berita perkahwinan selebriti yang terkenal itu sudah tersebar ke **seloroh** negara.

(v) Abang berjanji akan mengambil adik di **stesyen** bas Ipoh.

(vi) Remaja itu menuntun basikal yang rosak itu ke sebuah **bangkel**.

(vii) Di negara-negara maju **keretapi** merupakan pengangkutan awal pilihan utama para penduduknya.

(viii) Mereka telah menyerahkan borang penyertaan dan wang tunai semasa membuat **pedaftaran**.

(ix) **Atlit** sukan yang terkenal itu sudah lama menetap di kota raya Kuala Lumpur.

(x) Kerajaan menggalakkan usahawan tempatan memasarkan **prodak** mereka ke luar negara bagi memperoleh keuntungan yang berganda.

2. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti, kemudian pilih peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut.



(i) _____



(ii) _____



(iii)



(iv)
